

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HASANUDDIN B. MOHD YUNUS**  
**(HULU LANGAT)**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perlukah Kementerian menggubal undang-undang bagi mengawal selia pasukan beruniform yang diwujudkan oleh NGO atau parti politik tertentu yang dilihat semakin berleluasa serta mengelirukan masyarakat yang menganggap mereka sebagai agensi penguatkuasa atau syarikat kawalan keselamatan swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung penubuhan pasukan beruniform oleh NGO atau Parti Politik, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) akan merujuk terlebih dahulu kepada pihak berwajib seperti Kementerian dan pihak berkuasa yang lain iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia.

Selain itu, undang-undang tubuh pertubuhan juga hendaklah memperincikan fungsi penubuhan badan beruniform berkenaan dan sekiranya tiada peruntukan mengenainya maka ia telah melanggar undang-undang tubuh pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Justeru, peruntukan di bawah Akta 335 boleh dikuatkuasakan ke atas pertubuhan dan boleh mengakibatkan pendaftaran pertubuhan dibatalkan.